



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEGAWAI BALAI (P.6)  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Penerangan Awam**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

#### **2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI BALAI  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
P.6 (\$1,105 - \$1,825 EB KHAS \$1,885 - \$2,125 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerangan Awam sebagai Timbalan Pegawai Balai sekurang-kurangnya dalam tangga gaji P.4 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Penerangan Awam dalam jawatan bersesuaian, sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

2. Mempunyai Sijil Pegawai Rendah Bomba (*Junior Fire Officer*).
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon Lelaki.
4. Pemohon-pemohon bagi para 1 (a) dan (c) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - a. Hendaklah berumur di antara 18 tahun hingga 28 tahun (Lelaki);
  - b. Tinggi dan berat badan: **Bagi Lelaki:**  
Sekurang-kurangnya 5' 4" (1.63M)  
*Body Mass Index (BMI)* tidak melebihi 29.
  - c. Lulus ujian teori dan praktikal di Pusat Latihan Bomba Lapangan Terbang.
  - d. Lulus Pemeriksaan Kesihatan.
5. Mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melapor diri kepada Penguasa Bomba Lapangan Terbang;
2. Bertanggungjawab ke atas Anggota Bomba di bawah jagaannya dalam mengawasi kesempurnaan dan keberkesanannya perkhidmatan perlindungan dan keselamatan kebakaran penerbangan dan bangunan-bangunan di lapangan terbang dan *Heliport* sepanjang 24 jam;
3. Menghadiri dan mengetuai sebarang panggilan kecemasan / kemalangan termasuk perkhidmatan khas;
4. Membantu Ketua Unitnya dalam menyediakan jadual dan laporan tugas harian termasuk aturan biasa balai.
5. Menyediakan jadual dan laporan tugas harian termasuk aturan biasa balai;
6. Menyusun dan menyediakan jadual serta laporan bagi latihan-latihan dan kawad-kawad;
7. Memastikan penjagaan, pemeliharaan dan pengendalian perkakas atau kelengkapan menyelamat dan melawan kebakaran sentiasa ditahap yang baik dan sempurna;
8. Mengambil alih tugas Pegawai Bomba Lapangan Terbang semasa ketiadaannya; dan
9. Menjalankan apa juga tugas yang diarahkan oleh Penguasa Bomba Lapangan Terbang dari semasa ke semasa.